

## “MENJUNJUNG PERINTAH”

(21 April 2016 / 24 Rejab 1438)

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَحَبِيبَنَا مُحَمَّدًا  
نَبِيَّ الْهُدَى، أَرْسَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ، وَإِمَامًا لِلنَّبِيَّاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَسَيِّدًا لِلأَوَّلِينَ  
وَالآخِرِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿سُبْحٰنَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ  
الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾ - سورة الإسراء: ١

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi  
sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT  
dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan  
meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat  
keberkatan di dunia dan di akhirat. Khutbah hari ini akan membicarakan tajuk:  
“Menjunjung Perintah”.

### SIDANG JUMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Setiap kali berada pada bulan Rejab, maka kita tidak lekang daripada  
memperkatakan tentang suatu peristiwa besar yang pernah berlaku pada diri  
Nabi Muhammad SAW iaitu peristiwa Israk Mikraj yang menguji tahap

keimanan manusia. Peristiwa yang hebat ini berlaku setelah tentangan terhadap dakwah Islam semakin memuncak.

Kita sedia maklum bahawa Rasulullah SAW sering melalui pelbagai liku kehidupan penuh suka dan duka yang menyentuh hati nurani kita. Hakikatnya, walaupun baginda seorang pesuruh Allah SWT yang dikasihi, namun Allah SWT redha menurunkan ujian kepada baginda. Bahkan ujian ini tidak sedikit pun menjejaskan keimanan baginda SAW kepada Allah SWT.

Sejarah telah menceritakan bagaimana baginda telah kehilangan kasih sayang seorang bapa, belaian kasih ibu, kemanjaan seorang datuk, pembelaan seorang bapa saudara dan kecintaan seorang isteri. Tambah menyedihkan, baginda SAW terpaksa menghadapi penentangan yang berterusan oleh puak kafir Quraish. Bagi mengubat rasa sedih ini, maka baginda SAW dijemput oleh Allah SWT mengikuti satu pengembaraan eksklusif untuk memantapkan hati dan menenangkan jiwanya. Ini adalah satu kemuliaan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW melalui peristiwa Israk dan Mikraj. Firman Allah SWT dalam Surah Al Israa ayat 1:

﴿سُبْحٰنَ الَّذِيْٓ اَسْرٰى بِعَبْدِهٖٓ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ اِلَى الْمَسْجِدِ الْاَقْصَا الَّذِيْ بَرَكْنَا حَوْلَهٗ لِنُرِيْهِۗ وَمِنَ اٰيٰتِنَاۤ اِنَّهٗ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيْرُ﴾

**Maksudnya:** “Maha Suci Allah Yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk **memperlihatkan** kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.”

Tuntasnya, sebagai hamba Allah yang sentiasa diberikan ujian maka kita hendaklah segera kembali kepada Allah SWT supaya beroleh kekuatan rohani dan jasmani sekaligus meraih pertolongan daripada Allah SWT.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Israk dan Mikraj juga mengajar kita bahawa setiap kepayahan yang dilalui akan menjadi mudah jika ditempuhi dengan kesabaran, tetap pendirian dan istiqamah kepada ajaran Islam. Firman Allah SWT dalam Surah Al Insyirah ayat 5-6:

﴿فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٥﴾ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾﴾

**Maksudnya:** “Oleh itu, maka (*tetapkanlah kepercayaanmu*) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan.”

Dalam hal ini, umat Islam dituntut meletakkan sepenuh kepercayaan dan melaksanakan amalan sejajar dengan perintah Allah SWT. Ianya dapat menyingkirkan segala bentuk penyelewengan dan pengaruh negatif pihak musuh Islam yang sering menaburkan bibit syak wasangka terhadap peribadi dan amalan Nabi SAW.

Lantaran itu, Allah SWT telah memberikan kemuliaan kepada baginda SAW dengan tiba di Sidratul Muntaha. Lebih istimewa, Allah SWT telah memuliakan baginda SAW dan umatnya dengan menfardhukan solat sebagai mikraj kepada Allah SWT. Solat juga adalah sebaik-baik penghampiran kita kepada Allah dan meninggikan darjat hambaNya.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Ibadat solat ini, bukanlah sekadar pergerakan dan bacaan, bahkan ia adalah penghampiran, kekhusyukan, tumpuan akal, dan munajat kita kepada Allah SWT. Untuk itu, kita perlu mengenali Allah SWT yang merupakan maksud utama kepada pengabdian diri kita. Firman Allah SWT dalam Surah Az Zariyat ayat 56:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

**Maksudnya:** “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka *menyembah dan beribadat* kepadaKu.”

Apa yang pasti, solat yang sempurna menjadikan seseorang itu bersifat mulia dan solat juga yang dapat mencegah dari melakukan perkara keji dan mungkar. Dalam satu kisah, Abdullah Ibn Umar RA pernah menguji seorang pengembala kambing agar menjual kambingnya tanpa diketahui oleh tuannya. Si pengembala enggan menjualnya kerana ia bukan miliknya. Lalu Ibn Umar mencadangkan agar penggembala itu berbohong dengan mengatakan bahawa kambing tersebut telah dimakan oleh serigala. Lantas jawab si pengembala, aku boleh beritahunya ia dimakan oleh serigala tetapi bagaimana pula dengan Allah?. Subhanallah, inilah natijah daripada kesempurnaan solat yang wujud disebabkan oleh faktor sokongan dalaman yang begitu kuat.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Selain itu, kesempurnaan solat juga mampu memberikan ketenangan kepada hati manusia. Terutamanya hati yang sangat akrab dengan Allah SWT melalui solat yang khusyuk. Firman Allah SWT dalam surah Al-Mukminun ayat 1:

﴿قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾﴾

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya.*”

Mengulas ayat ini, Syeikh Abdul Halim Mahmud menyatakan bahawa seharusnya solat kita itu bersifat sempurna, tersisih dari alam kebendaan, tersisih dari alam nafsu dan syahwat, tersisih dari alam fitnah, agar diri orang yang melakukan solat itu tertumpu sepenuhnya kepada Zat Tuhan yang mengurniakan nikmat solat itu sampai ia merasakan kelazatan dan kenikmatan wujud di sisi tuhan dengan penuh kebahagiaan kerana perhubungan dan pendekatan diri kepada Allah SWT. Justeru, kita perlu memastikan kualiti solat dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa supaya mendapat solat yang khusyuk.

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib mengajak sidang jemaah sekalian melaksanakan beberapa tuntutan iaitu:

**Pertama:** Tingkatkan keyakinan kepada Allah dengan menghayati isi kandungan Al-Quran.

**Kedua:** Menyoroti sejarah kehidupan Rasulullah SAW untuk diambil pengajaran dan tauladan.

**Ketiga:** Bersungguh-sungguh menjunjung perintah melaksanakan solat dengan penuh berkualiti dan sempurna.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿ فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غِيًّا ﴿

**Maksudnya :** “Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka).” (Surah Maryam:59)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَاحِبِ الْغُرِّ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَرُوا. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَمَنْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَانصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ انصُرْ سُلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدْهُمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوَحِّدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالتَّمَكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ  
مَلِكِنَا؛

كباوه دولي يع ما موليا سري قادوك بكنيدا يع دفرتوان اكوع كليما بلس  
سلطان محمد كليما وعلى كل قرابته اجمعين

أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكُهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلُهُ وَبَلَغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ  
الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزَرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا. وَارزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ  
وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا وَهَاجًا. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً  
مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقْنَا  
جَمِيعًا لِبَطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا  
بِطَاعَتِهِ.

*Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.*

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾  
﴿ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾  
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.